

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]

SOALAN NO. 427

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak dan remaja bagi tempoh 2013 sehingga 2018 dan apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

STATISTIK JENAYAH SEKSUAL YANG MELIBATKAN KANAK-KANAK

Statistik jenayah seksual ke atas kanak-kanak dari tahun 2013 sehingga 2018 yang direkodkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 18,256 kes. Kes-kes ini merangkumi kesalahan rogol, sumbang mahram, liwat, cabul dan juga kesalahan-kesalahan seksual di bawah Akta 792. Bilangan kes yang direkodkan jelas menunjukkan trend menurun di mana pada 2013 terdapat 3,358 kes, pada 2014 sebanyak 3,315 kes, pada 2015 menurun kepada 2,959 kes, pada tahun 2016 sebanyak 2,814 kes dan pada tahun 2017 sebanyak 2,491 kes. Manakala pada tahun 2018 menunjukkan sedikit peningkatan dengan 2,831 kes direkodkan.

LANGKAH YANG DIAMBIL BAGI MENANGANI MASALAH TERSEBUT

Kerajaan memandang serius isu kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Selain daripada penguatkuasaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, Kerajaan juga menekankan aspek advokasi dan pencegahan untuk menangani isu ini dengan kerjasama pelbagai kementerian/jabatan Kerajaan dan organisasi seperti berikut:

1. Kempen keselamatan kanak-kanak di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K (Banteras Indeks Jenayah terhadap Kanak-Kanak)

Sahabat B.I.J.A.K telah dilancarkan pada Oktober 2014 untuk menyebarkan luas maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak di sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat. Kempen ini dijalankan secara berterusan di mana dari tahun 2014 sehingga 2018 seramai 60,579 orang kanak-kanak dan 250 buah sekolah telah mendapat manfaat daripada kempen yang dijalankan.

2. Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak

Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak telah ditubuhkan di Putrajaya pada tahun 2017 dan di Kuching pada tahun 2018 bagi mempercepatkan proses kehakiman bagi kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Pada tahun ini, Kerajaan sedang dalam perancangan memperluas penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ke setiap negeri di Malaysia. Penubuhan Mahkamah khas ini akan mengurangkan *backlog* kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak di Mahkamah Rendah.

3. Penguatkuasaan Daftar Kanak-Kanak

Daftar Kanak-Kanak yang diwujudkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 untuk penyenaraian kanak-kanak yang memerlukan perlindungan sedang diperkukuhkan untuk kegunaan ibu bapa, majikan atau orang berkepentingan sebagai suatu mekanisme saringan individu yang diambil bekerja dalam sektor yang melibatkan kanak-kanak. Dalam usaha ini, Kementerian sedang bekerjasama dengan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk memastikan semua pesalah yang disabitkan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 direkodkan dalam daftar ini. Untuk jangka masa panjang, Kementerian juga sedang meneliti pelaksanaan model di negara lain seperti *Children's Workers Safety Checks* di New Zealand, *Working With Children Check* di Australia, dan *Disclosure And Barring Service* (DBS) di United Kingdom.

Tuan Yang Dipertua,

Inisiatif-inisiatif ini menghantar mesej yang jelas kepada rakyat bahawa sebarang kesalahan seksual terhadap kanak-kanak tidak boleh dimaafkan sama sekali. Dalam kesempatan ini, saya menyeru Yang Berhormat-yang Berhormat untuk mengambil pendekatan yang lebih agresif dalam memainkan peranan masing-masing dalam isu-isu berkaitan perlindungan kanak-kanak di negara ini.